

PROGRAM PENCEGAHAN BERASAS KEIBUBAPAAN UNTUK BERTINDAKBALAS DENGAN MASALAH HAMIL LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA

Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar
Siti Balqis Mohd Azam & Zaiton Azman¹

Abstract

This paper discusses the importance of a family-based intervention programme to response to the problem of out-of-wedlock pregnancy among at-risk adolescent girls in Malaysia. The discourse start with an assumption that particular parents' styles of parenting is pertinent to influence adolescent's involvement in premature sex activities, which later resulted in their out-of-wedlock pregnancy. Empirical evidences from two separate qualitative studies were used to support the hypothesis. Both studies involve a group of delinquent girls who currently admitted to two rehabilitation and protection public institution – Taman Seri Puteri Probation Hostel, and the Henry Gurney (for girls) Approved School. Findings from the in-depth interviews with the 15 respondents demonstrate that parenting style does play a significant influence on adolescent sexual behaviours. Due to the strong relationship between parenting styles and adolescent sexual conduct, the study proposed an intervention that concentrates on the family element as response to the social problem.

Katakunci: Remaja perempuan, tingkahlaku seks rambang, hamil luar nikah, gaya keibubapaan, program pencegahan berdasas keibubapaan

¹ Profesor Madya Dr Siti Hajar Abu Bakar Ah, Ketua di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Puan Noralina Omar (Kerja Sosial Keluarga) dan Puan Zaiton Azman (Kriminologi) pula merupakan calon Ph.D. Seterusnya, Cik Siti Balqis merupakan calon Sarjana dalam bidang Pemulihian Sosial.

Penulis Koresponden: Noralina Omar (nora2374@yahoo.com)

Pendahuluan

Brofenbrenner (1986) dalam Teori Ekologi Manusia nya menyatakan persekitaran sosial mempunyai impak yang kritikal terhadap perlakuan manusia. Ekologi manusia yang terdiri daripada individu, keluarga, komuniti dan masyarakat saling berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi antara manusia dengan persekitaran sosialnya akan menghasilkan perlakuan atau tingkahlaku sosial tertentu. Tingkah laku individu adalah disebabkan oleh orang lain atau persekitaran. Persekitaran sosial yang tidak kondusif; misalnya dipenuhi dengan pelbagai anasir negatif yang bersifat destruktif (i.e., kemiskinan, kejiranan yang antisosial, rakan sebaya yang delinkuen atau ibubapa penjenayah) berpotensi tinggi membentuk individu yang bertingkahlaku bertentangan daripada norma, nilai dan peraturan sosial. Sebaliknya, persekitaran sosial yang dipenuhi dengan pelbagai unsur protektif (i.e., kejiranan yang prososial, sekolah yang mesra pelajar, ibubapa yang penyayang dan bertanggungjawab, kejiranan yang bertanggungjawab) yang lebih dominan daripada faktor risiko yang terdapat dalam ekologi sosial yang sama, berpotensi besar untuk menghasilkan sekumpulan individu yang bertingkahlaku prososial.

Ekosistem manusia yang berpengaruh dalam mensosialisasi tingkahlaku sosial remaja adalah keluarga. Bagi masalah tingkahlaku seks rambang dan kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja, kehadiran pelbagai faktor risiko dalam ekologi keluarga seperti kemiskinan keluarga, struktur keluarga tunggal, keadaan kediaman keluarga, hubungan remaja dengan adik-beradik mereka, keadaan sokongan keluarga, hubungan remaja dengan ibubapa mereka, serta gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa dalam mendidik anak mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membentuk tingkahlaku seks remaja.

Bagi konteks kertas kerja ini, perbincangan hanya ditumpukan kepada kesan faktor gaya keibubapan (*parenting style*) terhadap penglibatan remaja dalam salahlaku seks yang kemudiannya menyumbang kepada kehamilan luar nikah mereka. Gaya keibubapaan yang berbeza menyumbang kepada tingkahlaku seks yang berbeza dalam kalangan remaja. Justeru itu, pemahaman mengenai cara bagaimana amalan keibubapaan mempengaruhi penglibatan remaja dalam aktiviti seks rambang dan kemudiannya menyebabkan mereka hamil luar nikah harus

difahami dengan baik. Ini kerana masalah penglibatan remaja Malaysia dalam seks rambang dan hamil luar nikah adalah kritikal. Penyakit sosial ini menular dengan pantas. Pada tahun 2011, terdapat sebanyak 4222 kes remaja berumur 10-19 tahun yang hamil tidak berkahwin (Kementerian Kesihatan Malaysia, dalam Doshi-Gandhi, 2013). Sebelum 2011, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia (2010) melaporkan terdapat 111 kes remaja hamil luar nikah dilaporkan di seluruh negara daripada bulan Januari sehingga April 2010. Peningkatan mendadak; iaitu hampir 38 kali dalam tempoh masa 1 tahun memperlihatkan yang salahlaku seks dan hamil luar nikah dalam kalangan remaja menular pantas.

Ulasan Literatur

Empat domain ekologi keluarga yang berperanan penting dalam mempengaruhi tingkahlaku sosial remaja adalah keadaan ekonomi keluarga, struktur keluarga, keadaan kriminogenik dalam keluarga (i.e., kejadian jenayah dalam keluarga, tingkahlaku antisosial keluarga) dan gaya keibubapaan yang terdapat dalam keluarga (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Namun, kertas kerja ini hanya memfokus kepada domain yang terakhir; iaitu gaya keibubapaan keluarga.

Konsep gaya keibubapaan

Gaya keibubapaan merujuk kepada cara ibu bapa mensosialisasikan anak (Papalia, Olds & Feldman, 2003). Ia merangkumi iklim emosi ibu bapa yang dinyatakan dalam bentuk tingkahlaku (Cowan, Powell & Cowan, 1997). Bentuk tingkahlaku tersebut pula adalah spesifik, mempunyai pola tertentu dan berlaku secara konsisten sehingga mampu mempengaruhi anak yang diasuh (Berns, 2000).

Jenis-jenis gaya keibubapaan

Gaya ibu bapa mendisiplinkan anak penting dalam menentukan keharmonian dan kesejahteraan sesebuah keluarga (Noralina, Khaidzir, Hanina & Suzana, 2006). Menurut Diana Baumrind (1991), terdapat tiga gaya keibubapaan yang biasa menjadi amalan ibu bapa dalam mengasuh dan mendidik anak; iaitu autoritatif, authoritarian dan permisif. Gaya-gaya tersebut dibezakan mengikut nilai yang dipegang, amalan dan elemen tingkahlaku iaitu sokongan, kawalan dan penglibatan (Baumrind, 1991).

Autokratik juga dikenali sebagai gaya keibubapaan pemuatan ibu bapa (*parent-centered*). Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini menggunakan kuasa autoriti yang mana kata-kata mereka harus dianggap sebagai undang-undang dan anak pula perlu patuh dengan arahan ibu bapa (Berns, 2000; Shaffer, 1999). Mereka mengharapkan segala arahan mereka mesti dipatuhi tanpa perlu memberi penjelasan. Hukuman pula akan dikenakan kepada anak yang tidak mematuhi arahan. Ibu bapa autokratik bersifat mengarah dan terlalu tegas dalam kawalan tingkah laku anak namun kurang memberi sokongan dan tidak mengambil kira pandangan anak. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini percaya bahawa anak hanya perlu terima sahaja kerana ibu bapa sentiasa melakukan yang terbaik untuk anak (Berns, 2000).

Permisif yang juga dikenali sebagai gaya pemuatan anak (*child-centered*) lebih memperlihatkan gaya ibu bapa yang banyak memberi kebebasan dan kelonggaran kepada anak. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini lebih menyokong berbanding mengawal tingkah laku mahupun mengenakan hukuman kepada anak. Mereka juga lebih mudah menerima pandangan anak dan bersetuju terhadap keinginan dan kehendak anak. Mereka banyak memberi kebebasan dan kelonggaran kepada anak untuk mengatur aktiviti sendiri dan seboleh-bolehnya mengelak dari mengawal tingkah laku anak bagi mengelak daripada berlakunya konflik hubungan (Berns, 2000). Ibu bapa permisif menganggap diri mereka sebagai sumber kepada anak, bukan agen aktif untuk membentuk atau mengubah tingkah laku anak. Mereka juga mengharapkan bahawa anak akan belajar daripada kesilapan mereka lalu menjadikannya panduan untuk bertingkah laku pada masa hadapan.

Autoritatif ialah gaya keibubapaan yang demokratik. Gaya ini juga disifatkan sebagai kombinasi gaya autoritarian dan permisif di mana ia bersifat pertengahan dan lebih fleksibel (Shaffer, 1999). Ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif lebih seimbang dari segi tingkah laku kawalan dan sokongan. Mereka menetapkan *standard* yang jelas untuk panduan anak, membuat pemantauan terhadap aktiviti anak dan dalam masa yang sama memberi penghargaan kepada anak apabila perlu dan mengekalkan hubungan yang erat dengan anak. Ibu bapa autoritatif juga mengamalkan sikap terbuka yang mana mereka mengambil kira

pandangan anak dalam membuat keputusan keluarga. Dalam menguatkuasakan *standard* yang telah digariskan, ibu bapa memberi penjelasan berhubung mengapa anak sepatutnya mematuhi perkara tersebut. Ibu bapa autoritatif mengharapkan anak menjadi seorang yang tegas, mempunyai tanggungjawab sosial, berdikari dan mudah memberi kerjasama.

Gaya keibubapaan dan tingkahlaku seks remaja

Setiap satu daripada gaya keibubapaan yang dinyatakan di dalam bahagian terdahulu meninggalkan pola tingkahlaku sosial tertentu terhadap anak. Banyak kajian (spt. dlm. Velez-Pastrana, Gonzalez-Rodriguez, & Borges-Hernandez, 2005; Ballantine, 2001; Taris & Semin, 1998) menunjukkan remaja yang membesar di dalam isirumah yang ibubapa mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif mempunyai *outcome* tingkahlaku yang lebih positif dalam kalangan anak-anak. Keadaan ini berbeza daripada remaja yang membesar dalam keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan authoritarian. Kebanyakan remaja yang datang daripada keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan ini didapati berisiko tinggi terlibat dalam aktiviti seks rambang yang kemudiannya menyebabkan mereka hamil di luar nikah.

Tucker, Perreira dan Halpern (2011) mengkaji kesan tiga strategi gaya keibubapaan, iaitu kemesraan dan pengawasan ibubapa, komunikasi dan jangkaan ibubapa serta model peranan ke atas kehamilan remaja dalam kalangan 10,932 remaja di Carolina Utara, Amerika Syarikat. Mereka mendapati remaja yang datang dari keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif yang bercirikan sokongan kondusif dan kawalan tegas oleh ibubapa, kurang terlibat dengan kehamilan pra-matang. Keadaan ini berbeza sama sekali dengan remaja yang datang dari keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan authoritarian dan gaya keibubapaan yang tidak mempedulikan langsung hal-ehwal anak. Kebanyakan remaja yang hamil yang terlibat dalam kajian ini datang daripada keluarga sebegini. Kajian ini juga mendapati ibubapa yang mesra dan menyokong anak dengan tindakan disiplin yang tegas serta model peranan yang positif mampu mengurangkan risiko anak remaja mereka daripada terlibat dengan aktiviti seks bebas yang berpotensi tinggi untuk menyebabkan mereka hamil.

Iubapa, terutamanya ibu merupakan pendidik pengetahuan seks (*sex educators*) dan agen sosialisasi seks utama kepada anak-anak (Hutchinson & Cecedbaum, 2011). Ini bermakna ibu mempunyai pengaruh yang amat kuat dalam mensosialisasi dan membentuk kepercayaan anak mengenai seks, khususnya apabila berkomunikasi dengan anak mengenai hal-ehwal seks dan seksualiti (Guilamo-Ramos, Jaccard, Dittus, & Collins, 2008; Dilorio, McCarty, Denzmore, & Landis, 2007). Pendek kata, komunikasi ibubapa dan anak mengenai isu-isu berkaitan seks amat penting dalam membentuk dan mempengaruhi persepsi dan tingkah laku seks positif dalam minda anak-anak.

Berbanding bapa, ibu merupakan perunding komunikasi utama kepada remaja berkaitan isu-isu seks. Commendador (2011) mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu dengan keputusan remaja menggunakan alat pencegahan dalam kalangan 112 remaja perempuan berumur 14-17 tahun dari pelbagai latar etnik di Hawaii. Gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu berfungsi sebagai agen pencegahan dan kawalan dalam mempengaruhi keputusan remaja untuk menggunakan alat pencegahan kehamilan, melambatkan usia melakukan hubungan seks atau untuk tidak melakukan hubungan seks sehingga dewasa dan berkahwin. Ini kerana ibu merupakan “medium” komunikasi utama keluarga, khususnya antara anak perempuan dan ibu dalam membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan seks. Kebanyakan remaja perempuan bergantung kepada ibu mereka untuk membimbing dan menasihati mereka berkaitan tingkah laku seks dan aset reproduktif mereka. Remaja perempuan yang mempunyai komunikasi yang kondusif, terbuka dan bersifat akademik dengan ibu mereka dalam hal-ehwal berkaitan seks lebih bijak membuat keputusan mengenai perlakuan seks berisiko; berbanding remaja perempuan yang ibu mereka tidak boleh atau sukar untuk berbicara mengenai seks dengan mereka.

Bouris dan rakan-rakannya (2012) juga mendapati ibubapa amat berpengaruh dalam mensosialisasi anak mengenai perlakuan seks selamat, penggunaan alat pencegah kehamilan serta mempengaruhi keputusan remaja untuk sama ada terlibat atau tidak dengan aktiviti seks pra-matang. Dalam kajian ke atas remaja Latin di Amerika Syarikat, mereka mendapati semua program intervensi pencegahan kehamilan pra-matang remaja dalam komuniti Latino yang melibatkan ibubapa dan keluarga sebagai klien utama lebih berkesan dalam menangani masalah

sosial ini; berbanding dengan program-program pencegahan yang melibatkan remaja semata-mata. Pendek kata, Bouris dan rakan-rakannya mendapati keluarga; khususnya ibubapa mempunyai peranan penting dalam membentuk tingkah laku seks anak remaja mereka.

Keadaan dalaman keluarga, khususnya hubungan dan komunikasi antara ibu bapa dan anak juga berperanan penting dalam menyumbang kepada perlakuan negatif anak serta penglibatan mereka dalam aktiviti antisosial tidak bermoral. Kajian oleh Benson (2004), Lloyd (2004) serta Quinlivan et al. (2004) misalnya mendapati komunikasi yang buruk dan tidak kondusif atau komunikasi yang cenderung ke arah konflik dan permusuhan antara anak dan ibu bapa, serta hubungan yang tidak stabil antara remaja dan ibubapa menjadi antara faktor yang sering dilaporkan oleh remaja menyebabkan mereka terlibat dengan aktiviti tidak bermoral, termasuk salah laku seks, yang seterusnya merupakan penyumbang utama kepada kehamilan remaja. Ramai remaja hamil dalam kajian mereka melaporkan yang mereka mempunyai hubungan yang sama ada bersifat negatif atau langsung tidak mempunyai hubungan dengan ibu dan/atau bapa mereka.

Miller, Benson dan Galbraith (2001) menyatakan kualiti hubungan antara remaja dengan ibubapa mereka, khususnya dari aspek komunikasi mempunyai pengaruh yang cukup kuat terhadap persepsi remaja mengenai perlakuan seks. Komunikasi ibubapa-anak yang bersifat terbuka, positif, berpandu dan kerap mengenai seks lebih “selamat” dalam mempengaruhi keputusan remaja untuk tidak terlibat dengan aktiviti seks pra-matang, melengahkan aktiviti seks sehingga umur dewasa, atau untuk melakukan seks selamat hanya dengan satu orang pasangan tetap sahaja. Komunikasi antara ibu dan anak perempuan adalah lebih signifikan dalam mempengaruhi keputusan anak mengenai seks bebas; berbanding komunikasi antara bapa dengan anak dan komunikasi antara ibu dan anak lelaki.

Dari segi nilai yang dipegang oleh keluarga, khususnya ibubapa mengenai seks pula, terdapat banyak kajian yang menunjukkan keberkesanan komunikasi ibubapa-anak mengenai seks bergantung kepada atitud ibubapa terhadap seks. Ibumapa yang mempunyai atitud atau nilai seks yang bersifat konservatif dilihat lebih berupaya dalam melindungi dan/atau mengelakkan anak remaja mereka

daripada terlibat dengan aktiviti seks pra-matang atau bebas (Hoga, Borges, & Alvarez, 2009; Guilamo-Ramos et al., 2009; Fisher, 1989).

Dalam kajian mereka di Brazil, Hoga, Borges dan Alvarez umpamanya mendapati nilai sosio-budaya konservatif yang masih menjadi pegangan kuat kebanyakan ibubapa menjadi “pendinding” untuk keluarga mengawal anak remaja mereka, khususnya remaja perempuan daripada terlibat dengan aktiviti seks bebas dan gejala hamil di luar perkahwinan. Nilai sosial setempat yang melihat hamil di luar perkahwinan sebagai sesuatu yang memalukan dan mencemarkan maruah keluarga menyebabkan keluarga menjaga anak gadis mereka daripada perlakuan tidak bermoral yang boleh membawa kepada kehamilan sebelum berkahwin. Sebaliknya, ibubapa yang mempunyai nilai liberal mengenai seks lebih bersifat terbuka untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka mengenai seks dan pilihan untuk anak-anak mereka membuat keputusan untuk terlibat atau melewatkannya aktiviti seks.

Selain itu, ibubapa yang kekurangan model peranan ketika berusia remaja disebabkan oleh ibubapa mereka tidak pernah bercakap mengenai seks dengan mereka juga berpotensi tinggi untuk memegang nilai dan atitud yang bersifat permisif mengenai seks. Mereka ini tidak atau sukar untuk berkomunikasi dengan anak mengenai perlakuan seks secara kondusif, yang seterusnya menyebabkan anak-anak mencari maklumat mengenai seks daripada orang dewasa lain, rakan sebaya atau saluran maklumat yang tidak bertanggungjawab yang kemudiannya meletakkan mereka dalam risiko untuk mendapat maklumat yang salah serta terjerumus ke dalam aktiviti seks (Jaccard, Dodge & Dittus, 2002).

Hutchinson, Waldron, Hewitt dan Alter (2012) dalam kajian mereka di Jamaica terhadap 46 remaja perempuan berumur 14 ke 18 tahun dan 30 orang ibu atau penjaga wanita kepada remaja berkenaan mendapati kualiti hubungan ibu dan anak perempuan, komunikasi antara ibu dan anak perempuan mengenai seks, kapasiti pemantauan dan kawalan ibu terhadap aktiviti harian anak serta model peranan ibu mengenai hubungan seksual mempunyai kesan yang mendalam mengenai seks dan seks remaja perempuan. Mereka juga mendapati hubungan yang rapat antara ibu dan anak perempuan berpotensi besar untuk melindungi remaja ini daripada risiko tingkah laku tidak bermoral. Sebaliknya, hubungan yang renggang

atau yang bersifat mendera antara ibu dan anak perempuan menggalakkan remaja ini mencari kasih sayang atau perhatian dari lelaki lain di luar rumah yang seterusnya mereka dalam risiko untuk menjadi mangsa perlakuan seks pra-matang.

Dari aspek model peranan seksual pula, Hutchinson dan rakan-rakannya juga mendapati ibu yang menunjukkan model peranan seks negatif seperti suka bertukar pasangan, mengamalkan seks bebas dan menggalakkan anak membuat hubungan dengan lelaki yang berharta atau kaya berisiko tinggi untuk mendorong anak remaja mereka terlibat dengan seks pra-matang dan hamil. Terdahulu, kajian oleh Lipovsek et al. (2000) juga mendapati perkara yang sama. Mereka mendapati remaja di Bolivia tidak mempunyai jaringan sokongan yang baik antara anggota keluarga mereka serta kurang mempercayai ibu bapa mereka. Ini menyebabkan mereka mencari maklumat mengenai seks dari orang dewasa lain di luar lingkungan keluarga mereka. Mereka ini berisiko tinggi untuk dieksloitasi oleh orang dewasa yang tidak bertanggungjawab.

Berkaitan dengan model peranan jenayah/antisosial ibubapa pula, kajian menunjukkan kebanyakan remaja yang terlibat dengan pergaulan bebas sehingga hamil luar nikah datang dari keluarga yang ibu bapa atau salah seorang darinya terlibat dengan pelbagai aktiviti jenayah seperti penyalahgunaan dadah, pelacuran, geng samseng, judi dan ketagih arak. Nash, McQueens dan Bray (2005) mendapati ibu dan bapa yang mengamalkan perlakuan antisosial dan jenayah menyediakan satu ruang pembelajaran untuk anak-anak mereka mempelajari dan mengikuti perlakuan tersebut. Nash dan rakan-rakannya mendapati kebanyakan remaja delinkuen, yang antara aktiviti yang dilakukan mereka adalah aktiviti seks bebas mempunyai ibubapa atau salah seorang darinya merupakan penyalahgunaan bahan larangan seperti dadah, pil khayal, ubat-ubatan dan arak tegar, penjenayah, “bapa ayam”, ibu dan ayah terlibat dalam aktiviti seks bebas dan sebagainya.

Penerangan di atas jelas menunjukkan perkaitan rapat antara amalan gaya keibubapaan dengan penglibatan remaja dalam salahlaku seks yang kemudiannya menyebabkan mereka hamil. Sebelum memaparkan dapatan kajian berkaitan hubungan ini, pengkaji menjelaskan terlebih dahulu dua kajian kualitatif yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data mentah kajian ini, serta metodologi yang terlibat dalam pelaksanaan kajian berkenaan.

Metodologi

Dua kajian kualitatif jenis kajian kes telah dilakukan pada tahun 2012 bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan remaja perempuan terlibat dengan aktiviti seks rambang dan kemudiannya hamil luar nikah. Kajian kes ini berbentuk pelbagai kes (*multiple case study*). Protokol temubual yang sama direplikasi kepada dua sempadan fizikal yang berbeza, tetapi subjek kajiannya mempunyai pengalaman sosial yang sama. Satu kumpulan subjek kajian terdiri daripada 9 orang remaja perempuan mengandung luar nikah yang sedang mengikuti program pemulihan dan perlindungan awam di Taman Seri Puteri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia. Satu subjek kajian lagi terdiri daripada 6 orang remaja perempuan yang hamil luar nikah dan telah didapati bersalah atas percubaan membuang dan membunuh bayi yang dilahirkan, yang sedang menjalani hukuman pemulihan dan jenayah di Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara Malaysia.

Populasi kajian ini adalah remaja perempuan yang hamil luar nikah. Semua remaja perempuan yang berada dalam situasi ini layak menyertai kajian ini. Namun begitu, adalah mustahil untuk pengkaji melakukan kajian ke atas semua 4,222 remaja hamil luar nikah yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011. Justeru, dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) pengkaji mengambil keputusan untuk melibatkan hanya remaja perempuan hamil luar nikah yang berada di dalam institusi pemulihan dan perlindungan awam.

Menggunakan teknik persampelan yang sama juga, pengkaji menetapkan untuk memilih hanya dua jenis institusi pemulihan dan perlindungan awam; iaitu Asrama Akhlak (*Probation Hostel*) dan Sekolah Diluluskan (*Approved School*). Seterusnya, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan selesa (*convenience sampling technique*) bagi memilih Taman Seri Puteri, Cheras bagi mewakili Asrama Akhlak untuk kanak-kanak perempuan dan Sekolah Henry Gurney (pesalah perempuan), Melaka bagi mewakili Sekolah Diluluskan.

Semasa kajian ini dilakukan, terdapat 10 remaja perempuan hamil luar nikah di Taman Seri Puteri. Hanya 9 orang daripada pelatih tersebut memberi persetujuan untuk menyertai kajian ini secara sukarela. Di Sekolah Henry Gurney

pula, terdapat 6 kes pelatih yang menepati kriteria responden kajian ini; iaitu terlibat dalam aktiviti seks bebas dan hamil luar nikah. Keenam-enamnya terpilih secara otomatik menyertai kajian ini. Atas kebenaran dan kelulusan etika daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Penjara Malaysia, semua remaja berkenaan telah menyertai kajian ini secara sukarela.

Teknik utama yang digunakan oleh para pengkaji bagi mengumpul data mentah kajian ini adalah temubual mendalam. Temubual ini dilakukan berpandukan satu protokol temubual. Protokol temubual ini mengandungi 3 bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan berkaitan maklumat sosio-demografi responden dan keluarga mereka. Bahagian kedua pula mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan kehamilan mereka; terutamanya berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan mereka hamil luar nikah. Seterusnya, bahagian ketiga adalah berkaitan dengan tindakan dan harapan mereka di masa hadapan. Semua temubual yang rata-ratanya berlangsung selama sejam selama 2-3 bulan di dalam latar institusi dirakam dengan izin responden. Analisis data dilakukan secara manual. Semua rakaman temubual diterjemahkan secara verbatim yang seterusnya dikelompokkan ke dalam tema-tema tertentu.

Dapatan Kajian

Kedua-dua kajian yang dilakukan mendapati empat dimensi gaya keibubapaan yang mempunyai pengaruh kuat terhadap tingkahlaku seks anak adalah hubungan ibubapa-anak, pengawasan ibubapa, sosialisasi tingkahlaku seks oleh ibubapa dan model peranan tingkahlaku sosial ibubapa. Kajian ini mendapati gaya keibubapaan yang bersifat negatif dan tidak konsisten dalam kelima-lima dimensi berkenaan menjadi faktor risiko keluarga yang signifikan dalam mempengaruhi tingkahlaku seks anak yang seterusnya mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti seks dan kehamilan pramatang.

Hubungan bermasalah antara ibubapa dan remaja

Semua responden dalam kedua-dua kajian ini menyatakan yang mereka tidak mempunyai hubungan yang mesra dan baik dengan ibubapa, ibu atau bapa mereka. Seramai 14 daripada 15 responden ini menyatakan yang mereka menghadapi

kesukaran untuk berkomunikasi dengan sama ada ibubapa, atau salah seorang daripada nya.

Berbanding ibu, ramai responden menyatakan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan bapa mereka. Sha, Bai, Asma, Tehah, Aya dan Eira misalnya menyatakan mereka benci bapa mereka kerana bapa mereka mempunyai tabiat buruk seperti panas baran, gemar bergaduh, mengenakan pimpinan gaya autokratik di rumah, curang dengan isteri, lari daripada tanggungjawab terhadap keluarga, suka pukul isteri, mengamalkan sikap pilih kasih terhadap anak-anak serta tiada masa untuk mereka disebabkan sibuk berkerja atau sibuk dengan aktiviti-aktiviti kegemaran sendiri pada masa lapang mereka. Contoh verbatim responden mengenai hubungan mereka dengan ibubapa mereka adalah seperti berikut:

Ida: *Emak saya.... Saya tak tahu macam mana nak cakap hubungan saya dengan dia. Saya betul-betul tak boleh ngam dengan dia*"

(Ida, HG, P1/10 Oktober 2012, 9.15 pagi)

Siti: *Emak saya tak pedulikan saya. Dia langsung tak ambil tahu hal saya. Dia sendiri perempuan liar.... Liar macam saya. Bila saya beritahu dia saya nak kahwin dengan boyfriend saya, dia kata suka hati saya lah..... dia kata dia tak mahu bertanggungjawab langsung dengan perkahwinan saya. Dia kata itu masalah nenek saya.*

(Siti, HG, P1/9 Oktober 2012; 10.15 pagi)

Aminah: *Saya jarang bercakap dengan emak-ayah saya. Saya memang tak bercakap dengan mereka.*

(Aminah, HG, P1/9 Oktober 2012; 4 ptg)

Mira: *Dia (bapa) tak sayang saya. Dia tak pernah ambil berat diri saya.*

(Mira, HG, P1/9 Oktober 2012; 3 petang)

Jia: *Tak tahu, kenapa gaduh dengan mak? I sentiasa gaduh dengan dia sebab tak boleh communicated dengan dia. Dia tak faham la, dia tak faham saya.*

(Jia, TSP, P1/17 Januari 2013; 11.29 pagi)

Eira: *Saya benci dia (bapa). Dia selalu ambil berat tentang adik lelaki saya je sebab tu anak kandung dia... saya, anak tiri. Kami masam muka, kalu dia lalu tepi saya paling tah ke lain, tak kan tengok muka dia, dopleh tengok muka dia. Kalu dengar je dia ni balik, saya terus je masuk bilik.*

(Eira, TSP, P1/9 Januari 2013; 10.58 pagi)

Asma: *Dari pada kecil kami memang tak suka sama-sama lain. Tak boleh rapat. Kalau rapat je bergaduh. Ada sebab-sebab dia (ibu) nak bergaduhnya punya.*

(Asma, TSP, P1/17 Februari 2013; 12.45 tengahari)

Sha: *Hubungan Sha dengan bapa Sha memang tak rapat, sebab ayah memang selalu tak ada kat rumah. ibu banyak tak faham Sha. Ibu suka salahkan Sha. Kalau ada masalah, saya banyak pendam je.*

(Sha, TSP, P1/17 Mac 2013; 10 pagi)

Pengawasan ibubapa terhadap aktiviti anak tidak konsisten

Sebilangan besar ibubapa responden kajian ini gagal mengamalkan strategi pengawasan yang berkesan terhadap aktiviti dan perlakuan anak-anak mereka. Ada di antara ibubapa responden dalam kajian ini yang mengawal terlalu ketat anak-anak mereka tanpa sebarang justifikasi yang jelas. Responden yang terlibat menyatakan yang mereka dipaksa patuh dan akur kepada segala arahan ibubapa mereka. Mereka langsung tidak boleh menyatakan pandangan atau membantah keputusan yang dibuat oleh ibubapa mereka. Ibubapa mereka juga cenderung untuk menghukum mereka dengan hukuman yang menyakitkan fizikal dan mental, tanpa sebarang rasa tolak-ansur. Ada juga responden yang menyatakan mereka langsung tidak dikawal oleh ibubapa mereka sehingga mereka bebas melakukan apa sahaja. Begitu juga, ada yang mengatakan mereka keliru dengan pengawasan ibubapa mereka. Adakah mereka tidak pasti apa yang dibuat itu betul atau salah. Contohnya boleh dilihat dalam kes Ida, Bai dan Eira.

Ida:... *dia (teman lelaki) tiap-tiap hari datang, malam ada kat rumah saya (dan mengadakan hubungan seks), pukul 8 pagi dia balik rumah dia, pukul 4 ke 5 petang dia datang rumah saya. Ibu tak marah...*

(Ida, HG, P1/10 Oktober 2012, 9.15 pagi)

Bai: ..*Hurm..so saya cakap, kenapa dia (keluarga) macam ni kan. Dah besar baru nak ambik?. Kawan-kawan saya yang rapat pun pelik. Mereka kata kenapa dah besar baru nak amik. Pastu rebut-rebut. Pastu tak bagi jumpa. Kalau dia bagi jumpa tak kisah la kan, nak ambik, ambik la. Saya balik rumah (keluarga kandung). Saya duduk kat umah, saya boleh jumpa mak angkat saya tak kisah, ini dia (keluarga) marah-marah. Saya tak cakap apa-apa...tahun lepas ada gak lari umah dekat sebulan. Pastu, hurmm.. masa tu*

duk umah kawan, Dalam lama-lama tu teringin la nak jumpa mak angkat. Datang-datang tu family orang (keluarga kandung) ada kat situ..dia cakap kau tengok anak aku datang kat umah kau?. Ko yang suruh ek?. Dia marah family angkat. Masa tu ada polis sekali. Polis tu tangkap saya, masuk lokap seminggu...saya tak kisah lah masuk lokap tu. Pastu dia (keluarga) salahkan mak angkat saya. Padahal saya baru nak datang. Bukan saya tinggal kat situ. Pastu saya cerita la ngan polis tue. Pastu polis tue kata okay la. Takpe la, Saya (polis) lepaskan awak.

(Bai, TSP, P1/7 September 2012, 8.37 pagi)

Eira: ...sejak ibu kahwin tu memang saya terus berubah. Saya jadi macam ni. Saya rasa macam tension sangat. Bila saya balik, dia (ayah) terus marah dekat saya la. Dia baham (pukul) saya la. Hari tu dia pernah baham saya sebab telefon. Kes telefon, masa tu saya tengah bergayut dengan pakwe saya pastu dia tiba-tiba dia terajang (tendang) pintu bilik saya. Dia ambil handset saya tu. Dia pun lepor (baling). Pastu hari tu sekali dia pernah nak tikam saya. Dia cakap kat ibu saya, dia pernah nak ambil golok (parang), dia nak tikam saya tapi ibu saya cakap tak payahlah tikam dia (Eira) sebab dia bukannya buat salah besar pun. Memang dia tu pernah nak tikam, pernah baham saya la.

(Eira, TSP, P3/23 Januari 2013, 4.00 petang)

Gaya keibubapaan yang langsung tidak mengambil tahu hal anak juga menjadi penyumbang kepada penglibatan anak dalam salahlaku antisosial. Keadaan ini misalnya dapat dilihat dalam kes Tehah. Kedua ibu bapanya langsung tidak mengawal-selia tingkahlaku dan aktiviti hariannya. Mereka memberi beliau kebebasan hidup seluas-luasnya. Kesibukan ibu bapa dengan aktiviti harian menyebabkan Tehah terabai dan tidak terkawal. Tehah mengatakan beliau gemar ponteng sekolah, ponteng kelas, malas ke sekolah, suka melepak di rumah kekasih, mengadakan seks luar nikah, merayau-rayau di bandar, bergaul bebas dengan kawan-kawan, tidak minat belajar, jarang buat kerja sekolah, tidur dalam kelas, berbual dalam kelas dan sebagainya. Tehah berkongsi cerita mengenai aktiviti hariannya dan sikap ibunya:

Tehah: *Sebab saya buat kes, saya ponteng sekolah, pastu saya malas pergi sekolah, macam-macam, ponteng pun duduk rumah pakwe dulu, itu yang mak dapat tahu, mak terus tukar, mak nak pisahkan daripada berkarwan la kira, kawan rapat, tapi kawan rapat tu satu taman... Balik, tidur pastu dalam pukul 5 keluar pergi duduk rumah member ke, kadang kawan-kawan datang, datang lepak kat rumah, lepas tu kalau macam ada motor, pergi jalan ramai-ramai dengan kawan-kawan pergi kat sawah,*

duduk dekat sawah, pastu pergi la pasar malam ke dengan kawan-kawan. Dia (ibu) balik petang dalam pukul?(tak tahu). Dia tak tentu balik. Kadang dalam pukul 5.30 tu dia baru keluar daripada office, kadang 6 lebih keluar daripada office... (pengkaji bertanyakan mengenai aktiviti ibu selepas pulang kerja)... Saya tak pasti sangat sebab saya jarang ada kat rumah kalau lepas mak balik bekerja. Selalunya dia makan la, lepas dia balik bekerja tu.....lepas tu, dia buat hal dia....

(Tehah, TSP, P1/7 Januari 2013; 11.40 pagi)

Model peranan tingkahlaku berisiko oleh ibubapa

Rata-rata responden dalam kajian ini mempelajari menjadi delinkuen daripada ibubapa, ibu atau bapa mereka. Setiap responden dalam kajian ini menyatakan ibubapa, atau salah seorang daripadanya terlibat dalam kegiatan tidak bermoral dan jenayah. Ini dapat dilihat dalam kes Siti dan Mira misalnya. Bapa Siti merupakan penghisap dadah tegar. Ini menyebabkan ibu Siti meninggalkan suaminya dan Siti bersama neneknya. Semasa hayatnya, bapa Siti suka menghabiskan masa bersama kawan-kawan yang juga merupakan penghisap dadah dan berkongsi jarum menyuntik dadah. Tabiat itu menyebabkan beliau dijangkiti HIV dan meninggal dunia.

Siti: ...*abah dah takde...meninggal (HIV positif) ketika umur saya 17 tahun*

(Siti, HG, P1/9 Oktober 2012; 10.15 pagi)

Mira pula, bapanya merupakan penjenayah. Bapanya terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah, menjual senjata api haram dan juga merupakan ketua geng samseng yang mengawal perniagaan pelacuran di sekitar Kuala Lumpur. Malah, menurut Mira, beliau terlibat dengan aktiviti seks bebas dan hamil juga adalah disebabkan oleh rakan-rakan bapanya. Bapanya sering membawa pulang rakan-rakan penjenayahnya di rumah. Mira telah “terjatuh hati” dengan salah seorang rakan penjenayah bapanya, melakukan seks secara kerap dengan rakan bapanya itu dan seterusnya mengakibatkan beliau hamil.

Mira: *Mak saya dan ayah saya dah lama bercerai, dari umur saya 3 tahun lagi, lepas tu saya kena duduk dengan ayah saya. Ayah...dia seorang (ahli) kongsi gelap di KL... mengambil dadah, menjaga*

*pelacur, senjata... Saya melakukan hubungan seks dengan...
pakwe, dia orang bawahan ayah saya.*

(Mira, HG, P1/9 Oktober 2012; 3 petang)

Sosialisasi tingkah laku seks berisiko oleh ibubapa

Kejadian inses atau sumbang mahram yang berlaku dalam keluarga secara tidak langsung menggambarkan yang anak-anak diasuh menjadi pasangan seks anggota keluarga. Begitu juga dengan sikap ibubapa, ibu atau bapa yang secara tidak sengaja mempamerkan kepada anak-anak yang terlibat dalam aktiviti seks berisiko adalah suatu perkara “biasa” yang tidak bertentangan daripada norma sosial. Anak-anak yang membesar dalam persekitaran keluarga sebegini sudah pasti tidak dapat membezakan yang perbuatan melibatkan diri dalam aktiviti seks bebas dan kemudiannya hamil luar nikah adalah satu *taboo* sosial dan agama.

Kes Mira yang dinyatakan di dalam subtopik sebelum ini adalah satu contoh klasik. Membesar dengan bapa yang menjadikan kegiatan jenayah, khususnya pelacuran dan dadah sebagai mata pencarian utama sudah menjadi perkara biasa bagi Mira. Semenjak kecil lagi Mira sudah terbiasa dengan keadaan ini. Hidupnya sentiasa dikelilingi oleh pekerja seks yang dibawah jagaan bapanya, serta dikelilingi oleh samseng-samseng bapanya. Mira juga membesar menyaksikan bapanya dan rakan-rakan bapanya bergaul bebas di dalam rumah dengan pelbagai jenis pasangan. Itu sebabnya apabila Mira terlibat dengan rakan-rakan bapanya, bapanya tidak menunjukkan sebarang bantahan.

Terdapat juga dua orang responden dalam kajian ini hamil disebabkan oleh hubungan seks dengan bapa kandung mereka sendiri. Ida misalnya, menyatakan yang beliau telah berjumpa dengan seorang lelaki berumur yang benar-benar mengambil-berat tentang dirinya. Beliau sangat mencintai lelaki tersebut dan bagi menunjukkan cintanya beliau telah beberapa kali melakukan hubungan seks dengan lelaki tersebut yang rupa-rupanya adalah bapa kandungnya. Beliau hanya tahu yang lelaki tersebut adalah bapa kandungnya apabila ibunya meminta beliau menunjukkan gambar lelaki yang telah menghamilinya. Di dalam temubual dengannya, Ida menceritakan:

Ida: *Ibu tanya siapa yang buat saya mengandung. Bila saya beritahu nama lelaki tu, ibu tersentak. Lepas tu, dia kata dia nak jumpa lelaki tu. Lelaki tu pulak tak mahu jumpa ibu. Lepas tu, saya tunjuk gambar lelaki tu kat ibu. Dia terperanjat dan menangis. Lepas tu, dia beritahu... lelaki dalam gambar tu bapa kandung saya.*

(Ida, HG, P1/10 Oktober 2012, 9.15 pagi)

Selain Mira dan Ida, contoh sosialisasi ibubapa mengenai tingkahlaku seks berisiko juga boleh dilihat di dalam kes Siti. Ibu Siti juga terlibat dalam pekerjaan tidak bermoral. Siti mengatakan yang ibunya “perempuan liar” yang kerap bertukar pasangan untuk mencari nafkah membiayai kehidupan Siti dan neneknya. Ibu Siti gemar “berpindah tangan” dari seorang lelaki kaya ke seorang lelaki kaya lain. Melihat, mempersepsi dan mengikuti tingkahlaku ibunya, Siti “percaya” yang hidupnya juga boleh berubah menjadi lebih baik sekiranya beliau dapat mencari lelaki kaya yang dapat membiayainya. Persepsi sebegini menyebabkan Siti terlibat dengan pergaulan bebas yang akhirnya menyebabkan dia hamil. Menyamakan

tingkahlakunya dengan tingkahlaku ibunya, Siti menceritakan:

Siti: *Ibu macam tak kisah sebab ibu pun... liar macam saya.*

(Siti, HG, P1/9 Oktober 2012; 10.15 pagi)

Dapatan-dapatan yang dipaparkan di atas dengan jelas menunjukkan yang gaya keibubapaan dalam keluarga mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap tingkahlaku seks negatif anak. Bukti-bukti ini kuat untuk mendorong pengkaji memperkenalkan program intervensi pencegahan yang berfokus kepada gaya keibubapaan, di dalam bertindakbalas dengan masalah penglibatan remaja dalam seks rambang dan kemudiannya hamil di luar nikah ini.

Perbincangan

Dapatan kajian yang dibentangkan di dalam bahagian terdahulu jelas menunjukkan yang gaya keibubapaan yang terdapat dalam keluarga boleh menjadi pencetus kepada penglibatan remaja ke dalam aktiviti seks, yang kemudiannya menjadi punca utama kepada kehamilan luar nikah mereka. Di dalam bahagian ini, pengkaji menyentuh program intervensi yang mampu membentuk gaya keibubapaan yang

kondusif dan mampu mencegah penglibatan remaja dalam aktiviti seks berisiko, serta melindungi mereka daripada hamil luar nikah. Program intervensi ini berasaskan ibubapa (*parent-based interventions*).

Program intervensi pencegahan kehamilan remaja, yang khusus mengikut acuan budaya keluarga masyarakat Malaysia amat terhad sekali, ataupun amat sukar dijumpai. Beberapa program Pembangunan Keluarga yang dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti Program Keluarga @ Kerja, Program *Parenting @ Work*, Modul Kesihatan Reproduktif Sekolah (PEKERTI) dan Institut Pengajian Tinggi (MOPKIT), Program pra-Perkahwinan *SmartStart*, Program Ilmu Keluarga @ LPPKN semuanya bersifat generik untuk semua anggota keluarga; tidak khusus untuk menangani masalah salahlaku seks dan kehamilan pra-matang remaja.

Program pencegahan yang berdasarkan keluarga bagi bertindakbalas terhadap masalah hamil luar nikah dalam kalangan remaja perlu mengambil kira keperluan kelompok sasaran tersebut iaitu golongan remaja. Memandangkan remaja hari ini terdedah kepada banyak persoalan seksualiti bermula dari peringkat awal remaja, mereka perlu diberikan bimbingan yang tepat dan berkesan sesuai dengan peringkat usia dan kematangan mereka (Harlina & Noralina, 2007). Sekiranya remaja tidak diberikan pengetahuan seksualiti yang seimbang, mereka berkemungkinan membuat keputusan yang salah apabila terdedah kepada situasi yang mendesak.

Antara program pencegahan yang berkesan dan pernah hangat diperkatakan di Malaysia ialah Pendidikan Seksualiti (PS). Pendidikan Sains menunjukkan bahawa PS perlu diberi dengan cara yang baik, sesuai dan betul agar remaja dapat berkembang dengan baik. Pendidikan Sains juga telah menyediakan panduan untuk menerapkan PS kepada individu sesuai dengan tahap perkembangannya. Walau bagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa Islam lebih unggul dalam menetapkan garis panduan dari segi kaedah yang sesuai dan tepat dalam mempersiapkan remaja dengan pengetahuan seksualiti. Ajaran Islam dan pendapat sains moden sepakat mengatakan bahawa ibu bapa seharusnya membicarakan urusan seksualiti secara benar dan mengikut fakta kepada anak. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan bahawa wujud naluri seks yang harus

difahami oleh anak dan perhubungan seksual hanya boleh dilakukan dengan penuh tanggungjawab apabila tiba saatnya nanti.

Pendidikan Seksualiti yang dicadangkan untuk diajar di sekolah pula jelas berbeza matlamatnya berbanding dengan subjek lain kerana ia lebih difokuskan kepada membantu pelajar untuk memahami diri, berinteraksi dengan persekitaran dan menjalani kehidupan sehari-hari dengan selamat, bermakna dan sejahtera. Ini kerana tidak banyak informasi atau pengetahuan yang diperolehi secara formal yang boleh digunakan bagi membantu remaja menjalani hidup dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, pengajaran PS tanpa input moral hanya akan merangsang remaja untuk melakukan hubungan seksual (Harlina & Noralina, 2007).

Oleh yang demikian, modul PS yang dicadangkan oleh Harlina dan Noralina (2007) untuk remaja disertakan dengan input moral seperti hak, tanggungjawab dan nilai diri. Antaranya ialah tanggungjawab kepada diri sendiri, agama dan keluarga, menjaga kesihatan dan kehormatan diri. Semua ini bagi mempersiapkan diri remaja untuk menjadi seorang yang benar-benar berakhlaq dan mempunyai harga diri yang tinggi. Modul tersebut boleh diajarkan secara formal di sekolah atau secara separa-formal melalui bengkel secara kecil-kecilan kepada remaja dalam komuniti setempat.

Kelompongan satu program intervensi pencegahan berasas-keluarga khusus untuk menangani tingkah laku berisiko remaja mendesak pengkaji untuk mencari dan merangka program intervensi yang sesuai untuk konteks tempatan. Sebagai langkah permulaan, pengkaji memetik beberapa program intervensi yang terdapat di negara lain, yang telah terbukti berkesan menangani masalah sosial ini. Pengkaji memberi tumpuan kepada komponen gaya keibubapaan yang menyumbang kepada keberkesanan program-program intervensi tersebut melindungi remaja daripada terlibat dalam aktiviti seks pramatang. Semua intervensi sosial yang disyorkan ini adalah dari perspektif Kerja Sosial Keluarga (*Family Social Work*). Perspektif ini diberi tumpuan khusus kerana ia sesuai dengan sistem ekologi keluarga.

Program intervensi pencegahan tingkah laku seks rambang dan hamil pramatang dalam kalangan remaja berisiko yang melibatkan keluarga; khususnya ibubapa berkesan membantu para remaja berisiko daripada hamil tanpa dirancang,

serta melambatkan penglibatan mereka dalam aktiviti seks (Bouris et al., 2012; Guilamo-Ramos et al., 2011b; Tanner, Carlson, Raymond and Hopkins, 2008; Forehand et al., 2007).

Albert (2010) menilai Kempen Mencegah Kehamilan Remaja di Amerika Syarikat. 55 peratus daripada 1008 remaja berusia 12-19 tahun yang menyertai kempen tersebut menyatakan ibubapa mereka merupakan individu yang paling berpengaruh dalam hidup mereka, khususnya di dalam membimbing mereka di dalam membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pandangan dan tingkahlaku seks. Komunikasi ibubapa-remaja mengenai hubungan seks kelamin, dimensi-dimensi positif dan negatif hubungan ibubapa-anak, pengawasan, kawalan dan penyeliaan ibubapa serta atitud ibubapa yang tidak menggalakkan remaja mengambil risiko untuk terlibat dengan aktiviti seks berjaya melindungi remaja daripada terlibat dengan aktiviti seks berisiko.

Miller, Benson dan Galbraith (2001) pula mendapati ibubapa merupakan sumber sokongan sosial, emosi dan instrumental utama kepada anak-anak. Program intervensi pencegahan yang melibatkan ibubapa menggambarkan kepentingan, tanggungjawab dan peranan ibubapa dalam kehidupan anak remaja mereka. Remaja yang melihat ibubapa mereka terlibat dalam program intervensi yang melibatkan kebijikan hidup mereka dapat merasakan kasih-sayang ibubapa terhadap mereka. Ini kemudian dapat mananam rasa “kepunyaan” dalam kalangan remaja bagi menjayakan program intervensi tersebut. Penglibatan sukarela dan penuh dengan keikhlasan ini merupakan intipati penting keberkesanan program intervensi sebegini.

Tanner et al., (2008) pula mendapati strategi mempromosi gaya keibubapaan aktif amat berkesan dalam mengurangkan tingkahlaku seks berisiko remaja kerana ibubapa merupakan agen utama sosialisasi tingkahlaku atau perlakuan seks anak, serta agen protektif utama terhadap keselamatan anak. Atas rasionalisasi ini, program intervensi yang berasaskan penglibatan ibubapa atau keluarga seperti *The Parents Matter, Families Talking Together, Familias Unidas (United Families)* dan *Take Care of Them (Cuidados)* amat popular dilaksanakan di kebanyakan negara maju. Dengan kata lain, inisiatif-inisiatif pencegahan kehamilan

pra-matang dalam kalangan remaja lebih berjaya sekiranya pengaruh ibubapa ini dimanfaatkan sepenuhnya dalam inisiatif-inisiatif tersebut.

Menurut perspektif Kerja Sosial Keluarga, program intervensi yang berasaskan ibubapa atau anggota keluarga lebih lazim dirujuk secara generik sebagai Terapi Keluarga dan/atau strategi intervensi kumpulan keluarga (*multi-family group* atau MFG *intervention strategy*). Intervensi ini melibatkan sistem pengurusan kes dan intervensi sokongan kaunseling (*family therapy with a case management and supportive counseling intervention*), yang disampaikan di dalam latar rumah remaja dan keluarga mereka (McDonald et al., 2009). Program Terapi Keluarga ini memberi tumpuan khusus kepada komunikasi ibubapa-remaja, peranan penjagaan ibubapa-remaja, dan pola-pola interaksi dalam keluarga, terutamanya interaksi antara ibubapa dan anak.

Intervensi Terapi Keluarga ini dirancang berdasarkan kepada Teori Lekatan (*Attachment Theory*) dan teori-teori yang berkaitan dengan sistem keluarga. Intervensi terapi keluarga juga dikembangkan berasaskan kepada hipotesis yang melihat terapi keluarga mampu memperbaiki sokongan ibubapa yang seterusnya berpotensi besar untuk mengurangkan atau mencegah penglibatan remaja dalam aktiviti seks dan hamil pramatang, meningkatkan potensi remaja berisiko untuk menamatkan persekolahan, mencapai keputusan akademik yang membanggakan serta menyertai pekerjaan produktif (Bouris et al., 2012).

Penilaian yang dibuat terhadap program-program Terapi Keluarga menunjukkan intervensi ini amat membantu dalam memperbaiki komunikasi ibubapa-remaja, memperbaiki gaya keibubapaan, meningkatkan sokongan dan pemahaman antara ibubapa-remaja, memperbaiki hubungan ibubapa-remaja, meningkatkan nilai-kendiri remaja serta mengurangkan kadar keciran akademik remaja (Roye 1996 dlm Bouris et al., 2012).

Di dalam program intervensi pencegahan berasaskan ibubapa, khususnya yang melibatkan strategi terapi keluarga, komponen ibubapa (*parental components*) dalam terapi tersebut perlu dinyatakan dengan jelas bagi mengelakkan tumpuan keterlaluan kepada remaja berisiko sahaja. Intervensi yang mempunyai struktur yang jelas yang mampu membantu ibubapa remaja berisiko “memandu” anak-anak

mereka dengan berkesan ke arah tingkahlaku seksual yang selamat dan bertanggungjawab perlu ada. Antara aspek yang perlu ada dalam komponen ini adalah (Guilamo-Ramos et al., 2011a; Guilamo-Ramos et al., 2011b; Jaccard, 2009; Tanner et al., 2008; Forehand et al., 2007; Guilamo-Ramos, Jaccard and Casillas, 2004):

- (1) Kesedaran ibubapa mengenai tingkahlaku seks berisiko remaja,
- (2) Komunikasi penyaluran maklumat seksual (*sexual communication*) antara ibubapa-remaja,
- (3) Strategi komunikasi berkesan antara ibubapa-anak, yang perlu merangkumi komunikasi ibubapa-remaja mengenai tingkahlaku seksual dan model tingkahlaku komunikasi ibubapa,
- (4) Strategi keibubapaan kreatif dan berkesan yang terfokus kepada kemahiran-kemahiran yang mampu mengurangkan penglibatan remaja dalam tingkahlaku seks berisiko,
- (5) Strategi pengawasan berkesan oleh ibubapa terhadap aktiviti harian anak (*parental monitoring strategies*),
- (6) Strategi pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah keibubapaan berkesan,
- (7) Pemantauan dan penyeliaan tingkahlaku anak oleh ibu (*maternal monitoring and supervision*) yang memfokus kepada hubungan interaksi dan komunikasi mengenai model tingkahlaku seksual positif, penjaliran pengetahuan dan keperlcayaan/persepsi positif berkaitan dengan tingkahlaku dan perlakuan seks
- (8) Nilai budaya, agama dan tingkahlaku seks
- (9) Mesej positif mengenai kesihatan reproduktif (*reproductive health*).

Selain itu, Guilamo-Ramos, Jaccard and Casillas (2004) juga mengingatkan yang program intervensi pencegahan kehamilan remaja yang melibatkan ibubapa harus bersifat ideal. Berdasarkan kepada penilaian mereka terhadap program *The Parents Matter!* dan beberapa program intervensi pencegahan kehamilan remaja yang lain yang terdapat di Amerika Syarikat, Guilamo-Ramos dan rakan-rakannya telah mengenalpasti empat ciri ideal yang seharusnya ada dalam sesebuah program intervensi pencegahan tingkahlaku seksual berisiko dan kehamilan pra-matang remaja.

Pertama, program intervensi pencegahan tersebut seharusnya bersifat jelas, praktikal dan murah dari segi ekonomi. Program intervensi tersebut perlu dengan jelasnya mampu mengubah tingkahlaku berisiko remaja. Intervensi perubahan tingkahlaku ini pula perlu dilakukan secara intensif dan berterusan; bukannya dilakukan sekali-sekala dan secara *touch and go*. Justeru, program intervensi yang dibina harus cukup intensif bagi membolehkan perubahan tingkahlaku berlaku dan merangkumi sebahagian besar kumpulan sasar dalam kos ekonomi yang efektif.

Ciri ideal yang kedua adalah program intervensi harus berjaya disampaikan dan diterima oleh semua remaja berisiko, khususnya mereka yang berada pada tahap risiko tinggi dengan mengambil-kira heterogen kebudayaan, nilai dan keperluan mereka yang datang dari latar komuniti yang pelbagai dan berbeza.

Ciri ketiga adalah program intervensi ini harus melibatkan kerjasama pelbagai institusi dalam masyarakat; seperti sekolah, pihak berkuasa perumahan dan agama (seperti gereja, masjid, surau, kuil) agar semua institusi ini mempunyai rasa kekitaan dan “kepunyaan” (*ownership*) terhadap program intervensi tersebut yang seterusnya mampu meningkatkan tanggungjawab dan peranan mereka.

Seterusnya, ciri keempat program intervensi yang ideal adalah program intervensi tersebut mesti efektif. Keberkesaan program intervensi pula boleh diukur menerusi ketelusannya dalam menggunakan strategi-strategi terkini dalam mengubah tingkahlaku berisiko remaja, intervensi dikembangkan berdasarkan teori yang jelas (*theory-based interventions*), melibatkan penglibatan komuniti (*community-based interventions*), mengambilkira perbezaan keperluan kumpulan sasar serta intervensi tersebut bersifat lestari (*sustainable interventions*); iaitu boleh digunakan pada masa kini dan pada masa hadapan bagi bertindak-balas dengan masalah sosial yang sama.

Satu perkara lagi yang perlu juga diingati berkaitan intervensi berasaskan ibubapa adalah intervensi tersebut perlu mempunyai matlamat tingkahlaku yang jelas. Stanton dan rakan-rakannya (2004) mendapatkan program intervensi pencegahan tingkahlaku seks bebas dan kehamilan pra-matang remaja berisiko yang melibatkan ibubapa lebih berkesan apabila intervensi tersebut meletakkan matlamat

tingkahlaku yang perlu diubah merangkumi pelbagai dan/atau serangkaian tingkahlaku berisiko (*multiple risk behaviors*) yang saling-mempengaruhi perlakuan seks remaja. Penelitian mereka terhadap program intervensi pemantauan ibubapa, iaitu Program *Informed Parents and Children Together* (ImPACT) dan Intervensi *Focus on Kids* (FOK) membuktikan apabila tingkahlaku ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, kokain, ganja, marijuana, ketagihan arak dan merokok dapat dikurangkan, secara langsung ia dapat mengurangkan juga penglibatan remaja dalam tingkahlaku seks berisiko, serta mengubah persepsi mereka mengenai seks pra-matang. Sebagai kesimpulannya, Stanton et al., (2004) menyatakan peranan pemantauan ibubapa (diterjemah mereka sebagai komunikasi ibubapa dan penyeliaan/pengawasan ibubapa terhadap perlakuan dan aktiviti harian anak) adalah sangat penting di dalam mengurangkan risiko penglibatan remaja dalam seks bebas dan hamil pra-matang, serta sebagai satu tindakan pelindungan yang sangat efektif di dalam melindungi anak daripada pengaruh unsur negatif.

Kembali semula kepada Teori Ekologi Manusia yang mendasari kajian ini, kejayaan intervensi pencegahan tingkahlaku berisiko yang berasaskan keluarga; khususnya yang melibatkan penglibatan ibubapa bergantung kepada integrasi dan kerjasama subsistem-subsistem yang terdapat di dalam sistem mikro tersebut; iaitu komuniti, rakan sebaya, sekolah dan agensi formal dan tak-formal yang berkaitan dengan kebijakan hidup remaja. Dengan kata lain, program intervensi ini harus berasaskan komuniti. Pendekatan ini adalah selari dengan Model Penjagaan Berpusat untuk Keluarga (*Family-centered Care Approach*) yang memberi penekanan kepada tanggungjawab dan kewajipan normatif sesama ahli keluarga. Model ini juga berkembang daripada Teori Lekatan (*Attachment Theory*) dan Perspektif Ekologi. Model ini memberi tumpuan terperinci kepada penglibatan keluarga sebagai unit utama yang menjaga kebijakan anggota keluarga, bagi memelihara hubungan dan kefungsian keluarga. Penjagaan keluarga ini pula melibatkan sektor formal, tidak formal dan integratif kedua-dua sektor ini. Pendekatan kolaboratif ini menyampai perkhidmatan penjagaan sosial dan penjagaan kesihatan menerusi keluarga kerana ia melihat keluarga sebagai pusat dalam sebarang proses membuat keputusan berkaitan kesejahteraan kesihatan keluarga.

Penutup

Program intervensi pencegahan berdasarkan keluarga adalah sebuah program pencegahan primer. Berbanding dengan pencegahan sekunder dan tertiari, pencegahan primer yang melibatkan semua anggota masyarakat adalah jauh lebih berkesan dalam menangani masalah sosial. Kewujudan banyak program pencegahan primer dalam komuniti boleh membantu mengawal remaja daripada terlibat dengan pelbagai gejala negatif. Sekiranya ini berlaku, remaja berisiko boleh dilindungi daripada menjadi delinkuen atau penyeleweng sosial. Intervensi sosial ini penting diberi perhatian serius oleh para profesional dan agensi-agensi sosial yang berkaitan dengan perkhidmatan kebaikan kanak-kanak di Malaysia, agar matlamat Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara untuk menghasilkan sebuah persekitaran sosial yang selamat dan sejahtera untuk perkembangan kanak-kanak tercapai.

Rujukan

- Albert, B. (2010). *With one voice: America's adults and teens sound off about teen pregnancy*. Washington, DC: National Campaign to Prevent Teen and Unplanned Pregnancy.
- Ballantine, J. (2001). Raising competent kids: the authoritative parenting style. *Childhood Education*, 78, 46-47.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance abuse. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- Benson, M. J. (2004). After the adolescent pregnancy: parents, teens and families. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21(5), 435-455.
- Berns, R. M. (2000). *Child, Family, School, Community: Socialization and Support*. Belmont: Wadsworth.
- Bouris, A., Guilamo-Ramos,V., Cherry, K., Dittus, P., Michael, S., & Gloppen, K. (2012). Preventing rapid repeat births among Latina adolescents: The role of parents. *American Journal of Public Health*, 102(10), 1842-1849.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22, 723-742.
- Commendador, K. (2011). The relationship between maternal parenting style, female adolescent decision making, and contraceptive use. *Journal of the American Academy of Nurse Practitioners*, 23, 561-572.

- Cowan, P. A., Powell, D., & Cowan, C. P. (1997). Parenting intervention: a family system perspective. Dlm. Sigel, I. E. & Renninger, K. A. *Handbook of Child Psychology in Practice (5th Ed.)* (pp. 3-72). New York: Wiley.
- Dilorio, C., McCarty, F., Denzmore, P., & Landis, A. (2007). The moderating influences of mother-adolescent discussion on early and middle African American adolescent sexual behavior. *Research in Nursing Health*, 30, 193-202.
- Doshi-Gandhi, A. (2013). Cabaran transformatif masyarakat sejahtera. In Roziah Omar, Sivamurugan Pandian & Zainal Abidin Sanusi (pnytg). *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Kepimpinan IPT dan Kesejahteraan Sosial: Merealisasikan transformasi ke arah masyarakat sejahtera* (pp. 55-63). Malaysia: AKEPT, KPT.
- Forehand, R., Armistead, L., Long, N., Wyckoff, S. C., Kotchick, B. A., Whitaker, D., Shaffer, A., Greenberg, A. E., Murry, V., Jackson, L. C., Kelly, A., McNair, L., Dittus, P. J., Lin, C. Y., & Kim, S. M. (2007). Efficacy of a parent-based sexual-risk prevention program for African American pre-adolescents. A randomized controlled trial. *Arch Pediatric Adolescence Med.*, 161(12), 1123-1129.
- Fisher, T. D. (1989). An extension of the findings of Moore, Peterson, and Furstenberg (1986) regarding family sexual communication and adolescent sexual behavior. *Journal of Marriage and the Family*, 51, 637-639.
- Guilamo-Ramos, V., Jaccard, J., & Dittus, P. (2011a). A parent-based intervention to reduce sexual risk behavior in early adolescence: building alliances between physicians, social workers, and parents. *Journal of Adolescence Health*, 48(2), 159-163.
- Guilamo-Ramos, V., Jaccard, J., Dittus, P., Bouris, A., Gonzales, B., Casillas, E., & Banspach, S. (2011b). A comparative study of interventions for delaying the initiation of sexual intercourse among Latino and Black youth. *Perspective of Sexual and Reproductive Health*, 43(4), 247-254.
- Guilamo-Ramos, V., Bouris, A., Jaccard, J., Lesesne, C., & Ballan, M. (2009). Familial and cultural influences on sexual risk behaviors among Mexican, Puerto Rican, and Dominican youth. *AIDS Educational Preview*, 21(5), 61-79.
- Guilamo-Ramos, V., Jaccard, J., Dittus, P., & Collins, S. (2008). Parent-adolescent communication about sexual intercourse: An analysis of maternal reluctant to communicate. *Health Psychology*, 27, 760-769.
- Guilamo-Ramos, V., Jaccard, J., & Casillas, E. (2004). The Parents Matter! Program: Practical, Theoretical, and Methodological Perspectives. *Journal of Children and Family Studies*, 13(1), 113-123.
- Harlina Harliza Siraj & Noralina Omar. (2007). *Berbicara Mengenai Kesihatan Reproduktif Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Hoga, L. A. K., Borges, A. L. V., & Alvarez, R. E. C. (2009). Teen pregnancy: values and reactions of family members. *Acta Paul Enfem*, 22(6), 779-85.

Hutchinson, M. K., Waldron, N., Hewitt, H. H., & Alter, E. (2012). Jamaican mothers' influences of adolescent girls' sexual beliefs and behaviors. *Journal of Nursing Scholarship*, 44(1), 27-35.

Hutchinson, M. K., & Cederbaum, J. (2011). Talking to daddy's little girl about sex: Daughters' reports of sexual communication and support from fathers. *Journal of Family Issues*, 32, 550-572.

Jaccard, J. (2009). *Unlocking the contraceptive conundrum: Reducing unplanned pregnancies in emerging adulthood*. Washington, DC: National Campaign to Prevent Teen and Unplanned Pregnancy.

Jaccard, J., Dodge, T., & Dittus, P. (2002). Parent-adolescent communication about sex and birth control: a conceptual framework. Dalam Feldman, S. S., & Rosenthal, D. A (eds.). *Talking sexuality: Parental-Adolescent Communication*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Lipovsek, V., Karim, A. M., Gutierrez, E. Z., Magnani, R. J., & Gomez, M. C. C. (2000). *Risk and protective factors for unplanned pregnancy among adolescents in Bolivia*. Washington, DC: Focus on young adults/ Pathfinder International.

Lloyd, S .L. (2004). Pregnant adolescent reflections of parental communication. *Journal of Community Health Nursing*, 21(4), 239-251.

McDonald, L., Conrad, T., Fairtlough, A., Fletcher, J., Green, L., Moore, L., & Lepps, B. (2009). An evaluation of a groupwork intervention for teenage mothers and their families. *Child & Family Social Work*, 14, 45-57.

Miller, B. C., Benson, B., & Galbraith, K. A. (2001). Family relationships and adolescent pregnancy risk: A research synthesis. *Developmental Review*, 21, 1-38.

Nash, S., McQueen, A., & Bray, J. H. (2005). Pathways to adolescent alcohol use: Family environment, peer influence, and parental expectations. *Journal of Teen Health*, 37, 19-28.

Noralina Omar, Khaidzir Ismail, Hanina H. Hamsan & Suzana Mohd Hoesni. (2006). Cara gaya keibubapaan dan personaliti anak. Dlm. Rohany Nasir & Fatimah Omar. *Kesejahteraan manusia: perrspektif psikologi* (pp. 42-50). Bangi: Penerbit UKM.

Quinlivan, J. A., Tan, L. H., Steele, A., & Black, K. (2004). Impact of demographic factors, early family relationships and depressive symptomatology in teenage pregnancy. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 38, 197-203.

Papalia, D. E., Olds, S. W., & Feldman, R. D. (2003). *Human Development*. Ed. ke-9. Boston: McGraw-Hill.

Shaffer, D. R. (1999). *Social and personality development*. Belmont: Wadsworth.

Shehan, C. L. (2002). *Marriages and Families*. Ed. ke-2. New York: Ablongman.

Siti Hajar Abu Bakar & Abd. Hadi Zakaria. (2009). *Perlindungan kanak-kanak berisiko*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Stanton, B., Cole, M., Galbraith, J., Li, X., Pendleton, S., Cottrel, L., Marshall, S., Wu, Y., & Kaljee, L. (2004). Randomized trial of a parent intervention. Parents can make a difference in long-term adolescent risk behaviors, perceptions and knowledge. *Arch Pediatric Adolescent Medical*, 158, 947-955.
- Tanner, J. F., Carlson, L. A., Raymond, M. A., & Hopkins, C. D. (2008). Reaching parents to prevent adolescent risky behavior: Examining the effects of threat portrayal and parenting orientation on parental participation perceptions. *Journal of Public Policy and Marketing*, 27(2), 149-155.
- Taris, T. W., & Semin, G. R. (1998). How mothers' parenting styles affect their children sexual efficacy and experience. *J Genet Psychol*, 59, 68-81.
- Tucker, C., Perreira, K., & Halpern, C. T. (2011). *Parenting strategies and teenage pregnancy*. Pembentangan kertas kerja di Population Association of America 2011 Annual Meeting Program. Marriot Wardman Park: Washington, DC.
- Velez-Pastrana, M. C., Gonzalez-Rodriguez, R. A., & Borges-Hernandez, A. (2005). Family functioning and early onset of sexual intercourse in Latino adolescents. *Adolescence*, 40 (160), 777-791.